

D682

U B963 DEB  
MAHATHIR

KEMAMAN, 29 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA RAKYAT TIDAK HARUS MALU UNTUK BELAJAR, TERUTAMANYA MENGENAI BIDANG PENGURUSAN, YANG MEREKA AGAK KURANG MAHIR.

+KITA SEDAR KITA TIADA PENGETAHUAN TETAPI (KITA) TIDAK HARUS MALU... YANG (PATUT) DIMALUKAN IALAH JIKA KITA TIDAK SANGGUP BELAJAR DAN MANUSIA YANG TIDAK SANGGUP BELAJAR AKAN MUNDUR,+ KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA DALAM USAHA MENDAPATKAN PELAJARAN, SOAL SIAPA +GURU+NYA TIDAK HARUS DIAMBIL KIRA SELAGI GURU ITU CEKAP DALAM BIDANGNYA.

+BILA TIADA ILMU TENTANG INDUSTRI BERAT, MAKA KITA PERLU BELAJAR DARIPADA MEREKA YANG MAHIR MENGENAINYA,+ KATA BELIAU SEMASA MERASMIKAN BANGUNAN WISMA WAJA DI PERKARANGAN KILANG PERWAJA SDN BHD DI SINI.

TERDAHULU ITU, KETIBAAN DATUK SERI DR MAHATHIR DISAMBUT DENGAN IRINGAN KOMPANG DAN KUMPULAN PEMBAWA BUNGA MANGGAR. -- LAGI.  
1322MST 29 06 89

D686

U B964 DEB  
MAHATHIR 2 KEMAMAN

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN SEDAR TENTANG ADANYA KRITIKAN TERHADAP INDUSTRI BERAT NEGARA YANG MENDAKWA BAHAWA DASAR ITU TIDAK SESUAI DENGAN NEGARA INI.

PIHAK ITU HARUS MENKKAJI TERLEBIH DAHULU APA YANG SEBENARNYA TIDAK SESUAI, DASAR ATAU PELAKSANAANNYA, KATANYA.

+DASAR KITA SESUAI TETAPI UNTUK MENJAYAKANNYA KITA PERLU TAHU BAGAIMANA HENDAK MELAKSANAKAN DASAR ITU DENGAN BERKESAN,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA TERDAPAT KILANG-KILANG YANG KERUGIAN PADA MASA LEPAS TETAPI KINI MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN EKORAN +TINDAKAN KITA (YANG) TIDAK MALU UNTUK BELAJAR DARIPADA YANG CEKAP+.

+APABILA KILANG-KILANG KITA TIDAK BERJAYA, MAKA KITA PERLU Mencari orang yang cekap (untuk mengurus kilang) tetapi perubahan ini telah menarik kritikan politik,+ Tambahnya. -- LAGI.

1328MST 29 06 89

D689

U B967 DEB  
MAHATHIR 3 KEMAMAN

+TETAPI KITA PERLU SEDAR ADALAH LEBIH BURUK JIKA KITA TIDAK BERANI MENGAMBIL USAHA UNTUK MENGUBAH PENGURUSAN ITU,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA PERWAJA SDN BHD SUDAH PULIH KINI DAN SEBABNYA IALAH ADANYA PENGAMBILALIHAN PENGURUSAN OLEH ORANG YANG CEKAP.

BEGITU JUGA DENGAN INDUSTRI PROTON SAGA YANG MENCATATKAN KEUNTUNGAN \$32 JUTA TAHUN LEPAS DAN JUMLAH ITU DIJANGKA MENINGKAT TAHUN INI, TAMBAHNYA.

+YANG MENARIK IALAH KEJAYAAN INI DICAPAI DARIPADA PUNCA DAN PELABURAN YANG SAMA TETAPI (OLEH) KERANA DIURUS DENGAN BAIK,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA TUJUAN KERAJAAN (MENYUSUN SEMULA PENGURUSAN) IALAH UNTUK MEMBOLEHKAN KAKITANGAN EKSEKUTIF DI BAWAHNYA BELAJAR DAN MENIMBA PENGETAHUAN SUPAYA DAPAT MENGURUSKAN SENDIRI KILANG-KILANG ITU PADA MASA DEPAN. -- LAGI.

1338MST 29 06 89

U B968 DEB  
MAHATHIR 4 KEMAMAN

BELIAU JUGA BERKATA PENGURUSAN PERWAJA SEKARANG (YANG DIKETUAI OLEH PENGARAH URUSAN TAN SRI ERIC CHIA) BUKAN UNTUK SELAMA-LAMANYA KERANA TUGAS MEREKA IALAH MENYALURKAN PENGETAHUAN PENGURUSAN KEPADA KAKITANGAN EKSEKUTIF KILANG ITU.

BEGITU JUGA ARAHAN YANG DIBERIKAN KEPADA LEMBAGA PENGARAH DAN PENGURUSAN KILANG PROTON SAGA, KATANYA.

PERDANA MENTERI SETERUSNYA MINGINGATKAN PARA EKSEKUTIF, KHUSUSNYA DI PERWAJA SDN BHD, SUPAYA BEKERJA KERAS UNTUK MEMPEROLEHI KECEKAPAN DARIPADA PENGURUSAN BARU.

+EKSEKUTIF KILANG INI TIDAK BOLEH BERDIAM DIRI DALAM BILIK HAWA DINGIN. MEREKA MESTI TAHU APA YANG BERLAKU DALAM KILANG DAN MENGENALI (DENGAN) LEBIH DEKAT PEKERJA-PEKERJANYA.+

YANG TURUT HADIR IALAH MENTERI BESAR TERENGGANU TAN SRI HAJI WAN MOKHTAR AHMAD, TIMBALAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN DATUK HAJI HUSSEIN AHMAD, PENERUSI PERWAJA TAN SRI ZAINAL ABIDIN SULONG DAN PENGARAH URUSAN PERWAJA TAN SRI ERIC CHIA.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MELEPASKAN BELON-BELON DAN MELAWAT KILANG ITU.

-- BERNAMA.

1340MST 29 06 89